



**TATACARA PERMOHONAN  
KEBENARAN MENGAJAR AGAMA ISLAM BAGI WARGANEGARA ASING -  
MAJLIS ISLAM SARAWAK, 2022**

---

**1. PENGENALAN**

- 1.1. Tatacara permohonan ini dibuat berdasarkan Prosedur 8 (b), Prosedur Kebenaran Mengajar Agama Islam Majlis Islam Sarawak, 2022, yang mana Jawatankuasa Pentaulianan Mengajar Agama Islam - Majlis Islam Sarawak (JPMAI-MIS) boleh menetapkan apa-apa terma, syarat dan sekatan bagi pengeluaran sesuatu kebenaran mengajar.
- 1.2. Tatacara permohonan ini untuk mengurus permohonan Kebenaran Mengajar Agama Islam Bagi Warganegara Asing di Sarawak.

**2. DASAR PENGAMBILAN GURU AGAMA ISLAM WARGA ASING (GAIWA)**

- 2.1 Pengambilan GAIWA hanya boleh dipertimbangkan sekiranya tidak ada Guru Agama Warganegara Malaysia yang berasal daripada Sarawak untuk mengajar Agama Islam di mana-mana tempat, masjid dan surau dalam Sarawak.
- 2.2 GAIWA hendaklah mengajar sekurang-kurangnya dua puluh lima (25) jam seminggu.
- 2.3 GAIWA yang masih dalam tempoh perkhidmatan tidak boleh bertukar penaja.

**3. KELAYAKAN CALON PENAJA**

- 3.1 Penaja yang boleh mengambil GAIWA hendaklah diluluskan oleh JPGAIWA.
- 3.2 Kategori penaja yang telah diluluskan oleh JPGAIWA untuk menaja GAIWA adalah seperti berikut:
  - 3.2.1 Pertubuhan yang didaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335/87);
  - 3.2.2 Lembaga Amanah Khairat yang ditubuhkan di bawah Ordinan Amanah Khairat 1994 (Bab 7);

- 3.2.3 Jawatankuasa Pengurusan Masjid/ Surau yang dilantik oleh Majlis Islam Sarawak di bawah seksyen 60 (4), Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001; dan
- 3.2.4 Lembaga Pengelola Institusi Pendidikan Islam Persendirian (IPIP) yang dilantik oleh Majlis Islam Sarawak.

#### **4. KELAYAKAN CALON GAIWA**

Keutamaan diberikan kepada calon GAIWA yang mempunyai kelayakan akademik dalam Pengajian Islam pada peringkat sekolah menengah ke atas atau setaraf.

#### **5. PROSES PERMOHONAN DAN PENILAIAN**

- 5.1 Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui aplikasi Khidmat Islam Sarawak (KISWA): Modul Tauliah/ Kebenaran Mengajar di alamat url:  
<http://kiswa.sarawak.gov.my>.
- 5.2 Maklumat permohonan hendaklah dikemukakan kepada pihak Polis Diraja Malaysia untuk tapisan keselamatan.
- 5.3 Penilaian ke atas calon baharu penaja dan calon baharu GAIWA hendaklah dilaksana oleh Panel Penilaian Kebenaran Mengajar Guru Agama Islam Warganegara Asing (Panel) seperti berikut:
  - (i) Pengerusi : Mufti Sarawak
  - (ii) Setiausaha : Ketua Bahagian Dakwah,  
Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS);
  - (iii) Ahli-ahli : Timbalan Pengarah, JAIS;  
: Pesuruhjaya Polis Sarawak atau wakil;  
: Pengarah, Jabatan Imigresen Malaysia Sarawak (JIMS)  
atau wakil;  
: Pengarah, Unit Pengurusan Imigresen dan Buruh,  
Jabatan Premier Sarawak atau wakil; dan
  - (iv) Sekretariat : Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Sarawak

- 5.4 Pengerusi Panel boleh menjemput mana-mana individu yang perlu untuk membantu dalam proses penilaian.
- 5.5 Panel hendaklah menilai laporan prestasi GAIWA bagi permohonan pembaharuan.
- 5.6 Panel hendaklah mengesyorkan hasil penilaian calon penaja dan calon GAIWA kepada JPGAIWA untuk:
  - (i) Perakuan kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi sokongan kelulusan Pas Lawatan Ikhtisas (PLIK); dan
  - (ii) Pertimbangan kelulusan Kebenaran Mengajar Agama bagi Warganegara Asing.
- 5.7 Setelah mendapat salinan surat keputusan daripada Pihak Berkuasa Negeri, JAIS hendaklah memaklumkan keputusan permohonan kepada calon penaja dan calon GAIWA.
- 5.8 Kebenaran Mengajar Agama bagi Warganegara Asing akan dikeluarkan setelah PLIK dikemukakan oleh penaja kepada JAIS.
- 5.9 Tempoh sah laku Kebenaran Mengajar Agama bagi Warganegara Asing hendaklah sama dengan tempoh sah laku PLIK.
- 5.10 JPGAIWA boleh menetapkan bidang-bidang pengkhususan pengajaran tertentu bagi seseorang GAIWA.

## **6. TANGGUNGJAWAB PENAJA**

- 6.1 Penaja hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap GAIWA merangkumi aktiviti pengajaran, pergerakan, tata tertib, kebajikan, apa-apa manfaat kewangan (elaun) dan lain-lain.
- 6.2 Penaja hendaklah memantau GAIWA dari semasa ke semasa.
- 6.3 Penaja hendaklah mengesahkan laporan pengajaran bulanan yang disediakan oleh GAIWA.
- 6.4 Penaja hendaklah memaklumkan penamatan tajaan GAIWA kepada JAIS dan JIMS.

## **7. TANGGUNGJAWAB GAIWA**

- 7.1 GAIWA hendaklah mematuhi semua peraturan berkaitan GAIWA dan mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Islam Sarawak.
- 7.2 GAIWA hendaklah mematuhi semua undang-undang di Malaysia khususnya berkaitan Imigresen.
- 7.3 GAIWA hendaklah mematuhi semua arahan dan tugas yang ditetapkan oleh penaja.
- 7.4 GAIWA hendaklah mengemukakan laporan pengajaran dan aktiviti melalui penaja secara bulanan kepada pihak JAIS dengan menggunakan borang yang ditetapkan JPGAIWA
- 7.5 GAIWA hendaklah memaklumkan penamatan perkhidmatannya kepada penaja, JAIS dan JIMS.

## **8. PENILAIAN PRESTASI GAIWA**

- 8.1 Penaja hendaklah melantik seorang penyelia yang akan bertanggungjawab menyelia GAIWA dan menjadi Pegawai Penilai Pertama (PPP) dalam laporan prestasi GAIWA.
- 8.2 Laporan prestasi hendaklah dikemukakan oleh PPP kepada Pegawai Agama Islam Bahagian sebagai Pegawai Penilai Kedua (PPK) selewat-lewatnya seratus lapan puluh (180) hari sebelum tamat tempoh Kebenaran Mengajar.
- 8.3 PPK hendaklah menghantar laporan prestasi kepada Bahagian Dakwah, JAIS dalam tempoh empat belas (14) hari selepas penilaian diterima daripada PPP.

## **9. DOKUMEN DAN BORANG**

Bagi permohonan GAIWA, hendaklah menggunakan borang seperti berikut:

- a. Borang Pemeriksaan Kesihatan
- b. Borang Pelaporan Pengajaran
- c. Borang Laporan Prestasi

[Boleh dimuat turun melalui Portal KISWA - menu pekeliling: [kiswa.sarawak.gov.my](http://kiswa.sarawak.gov.my)]

## **10. PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN**

- 10.1. Bahagian Dakwah, JAIS dan Pejabat Agama Islam Bahagian (PAIB) hendaklah memantau pengajaran GAIWA sekurang-kurangnya SATU (1) kali bagi tempoh Kebenaran Mengajar Agama bagi Warganegara Asing.
- 10.2. Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) hendaklah menjalankan penguatkuasaan sekiranya berlaku mana-mana pelanggaran berkaitan Kebenaran Mengajar Agama bagi Warganegara Asing dan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa.

## **11. PENGGANTUNGAN DAN PEMBATALAN**

- 11.1. Kebenaran Mengajar Agama bagi Warganegara Asing seseorang boleh digantung oleh JPGAIWA sekiranya disyaki melakukan apa-apa perkara yang melanggar kaedah dan syarat-syarat Kebenaran Mengajar Agama bagi Warganegara Asing yang ditetapkan oleh Majlis Islam Sarawak.
- 11.2. Bahagian Dakwah, JAIS hendaklah membuat pengesahan tentang pelanggaran berkenaan dan sekiranya didapati tidak benar maka JPGAIWA hendaklah menarik semula penggantungan tersebut.
- 11.3. Kebenaran Mengajar Agama bagi Warganegara Asing seseorang boleh dibatalkan oleh JPGAIWA sekiranya disah telah melakukan apa-apa perkara yang melanggar kaedah dan syarat-syarat Kebenaran Mengajar Agama bagi Warganegara Asing yang ditetapkan oleh Majlis Islam Sarawak.
- 11.4. Sebelum pembatalan dibuat, JPGAIWA hendaklah mengarahkan Pemegang Kebenaran Mengajar Agama bagi Warganegara Asing untuk mengemukakan surat tunjuk sebab mengapa Kebenaran Mengajar Agama bagi Warganegara Asing tidak boleh dibatalkan.
- 11.5. Setelah menerima dan mempertimbangkan surat tunjuk sebab, JPGAIWA hendaklah membuat keputusan mengenai status Kebenaran Mengajar Agama bagi Warganegara Asing berkenaan.
- 11.6. Segala keputusan penggantungan, menarik balik penggantungan dan pembatalan hendaklah buat melalui notis bertulis.

## **12. ADUAN DAN MAKLUM BALAS**

Sebarang aduan dan maklum balas berkaitan hal ehwal mengajar agama Islam bolehlah dikemukakan ke emel rasmi JAIS: [kqjaishq@sarawak.gov.my](mailto:kqjaishq@sarawak.gov.my)

## **13. PEMAKAIAN DAN PENGGUNAAN**

Pemakaian prosedur ini berkuatkuasa mulai 01 Mac 2023 bersamaan 08 Syaaban 1444H sehingga mana-mana arahan lanjut yang ditetapkan oleh Majlis Islam Sarawak.

Arahan  
Majlis Islam Sarawak  
01 Mac 2023 bersamaan 08 Syaaban 1444H